



KEMENTERIAN KERJA RAYA

UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PELANCARAN SISTEM J10
29 MAC 2021

Bismillahirrahmanirahim

Yang Berbahagia, Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed

Ikhsan,

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia, Dato' Ir. Hj. Mohamad Zulkefly bin Sulaiman,

Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia, Tan Sri Dato' Seri Shahril Shamsuddin,

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sapura

Serta kesemua penonton yang menyaksikan acara perasmian secara maya kita pada hari ini.

Pendahuluan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya jua, kita dapat bersama-sama secara maya pada hari ini sempena Majlis Pelancaran Sistem J10 Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

2. Program kita pada hari ini juga, amat bertepatan dengan visi dan misi kita iaitu mendokong serta mendepani usaha-usaha Kerajaan dalam memacu pembangunan infrastruktur dan sektor pembinaan negara. Melalui inisiatif yang diambil oleh Kementerian Kerja Raya bersama Jabatan Kerja Raya (JKR), penggunaan teknologi dan pendigitalan di dalam sektor pembinaan terutamanya di dalam Pengurusan Projek telah mula dilaksanakan sejak tahun 2000 lagi secara berperingkat.

Industri Teknologi di Malaysia

Penonton yang dihormati sekalian,

3. Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) yang telah dilancarkan menyasarkan industri pembinaan yang mampan, seiring dengan pembangunan pesat teknologi dan sistem yang lebih pintar. Revolusi ini menandakan munculnya pembaharuan yang bakal mengubah proses pembinaan di masa hadapan. Sejajar dengan perubahan ini, Kementerian

Kerja Raya (KKR) dengan kerjasama semua rakan pemegang taruh, telah membangunkan satu Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (2021-2025) bagi membantu industri pembinaan mendepani perubahan ini.

4. Pelan Strategik Pembinaan 4.0 merupakan asas bagi merangka program untuk meningkatkan keupayaan industri pembinaan dalam alaf industri 4.0. Pelan strategik ini dibangunkan selaras dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Dasar Industri 4.0 Nasional (Industry4WRD) yang turut menyokong dan melengkapinya seperti berikut:

- i. Pelan Hala Tuju Strategik Internet of Things (IoT) Kebangsaan;
- ii. Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia; dan
- iii. Dasar Ekonomi Digital

Pelancaran Sistem J10

Para penonton sekalian,

5. Berlandaskan kepada Dasar-Dasar Nasional seperti yang telah dinyatakan, KKR dan JKR sentiasa komited dalam memastikan urusan perkhidmatan dan pemantauan terus ditambah baik dengan pelbagai pendekatan yang inovatif. Saya berbangga dengan kerjasama KKR dan JKR yang telah memulakan agenda transformasi untuk menjadi penyedia

perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan.

6. Pembaharuan ini juga merangkumi pelbagai aspek termasuk meningkatkan infrastruktur serta mentransformasi proses perkhidmatan JKR sedia ada melalui pelaksanaan solusi ICT yang lebih komprehensif. Itizam inilah yang kita raikan pada hari ini.

7. Sistem J10 adalah Program ICT Jabatan Kerja Raya bertujuan mempertingkatkan lagi keupayaan pengurusan, pemantauan dan pelaporan prestasi projek infrasturktur negara. Ianya akan digunakan oleh semua pejabat JKR di seluruh negara.

8. Skop Sistem J10 ini bermula daripada penerimaan projek oleh JKR sehingga ianya diserahkan kepada Kementerian dan Agensi Pelanggan. Kesemua maklumat dalam Ssitem J10 ini akan dilaksanakan mengikut proses aliran kerja bermula dari Fasa Perancangan, Reka bentuk, Perolehan, Pembinaan sehingga kepada Penyerahan.

9. Maklumat yang dikemaskini di dalam Sistem J10:

- i. boleh terus diterjemahkan secara ringkas melalui paparan Dashboard bagi tujuan pemantauan projek; dan
- ii. menjana Big Data bagi tujuan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di masa hadapan.

10. Sistem J10 yang dibangunkan ini akan merevolusikan kaedah kerja konvensional JKR melalui pendigitalan penggunaan borang dan kaedah kerja berdasarkan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) sedia ada. Segala bentuk maklumat boleh diakses di mana sahaja dengan menggunakan pelbagai peranti.

11. Sebagai bonus, saya dimaklumkan, Site Diary juga boleh dikemaskini melalui telefon bimbit semasa kerja pengawasan di tapak. Bagi perkongsian maklumat di antara JKR dengan Agensi luar lain yang terlibat, Sistem J10 turut juga diintegrasikan dengan sistem-sistem di luar JKR seperti SPPII, GPIS, eGPA, CIMS, CIS dan GPKI.

12. Integrasi Sistem J10 dengan GPKI MAMPU adalah merupakan langkah awal ke arah pengwujudan Single Platform melalui perkongsian data secara selamat dan mengurangkan risiko ketidaktepatan data. Saya juga telah dimaklumkan, JKR adalah agensi kerajaan pertama yang akan

menggunakan Multi-factor Authentication (MFA) untuk Sistem GPKI di bawah MAMPU. Tahniah!

Penutup

13. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. KSU KKR, Yang Berbahagia Dato' Ir. KPKR dan Yang Berbahagia Datuk TKPKR (Pakar) sebagai Pengarah Projek, Pasukan Projek J10 JKR dan Sapura yang telah berjaya membangunkan sistem ini. Tidak lupa juga kepada *Subject Matter Experts (SMEs)* dan agensi-agensi pusat yang terlibat serta semua yang telah menyumbang masa dan idea sepanjang pembangunan Sistem J10 ini. Saya percaya, terdapat pelbagai cabaran yang diharungi, lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik yang melanda serata dunia. Namun dengan kesungguhan dan komitmen anda semua, projek ini berjaya dilaksanakan.

14. Usaha Kerajaan melangkah ke IR4.0 tidak akan berjaya tanpa komitmen serta penglibatan tuan-tuan dan puan-puan. Oleh yang demikian, besarlah harapan saya bahawa sistem J10 akan dimanfaatkan

sepenuhnya dan saya memohon agar sistem J10 disambut baik oleh tuan-tuan dan puan-puan untuk kepentingan bersama.

15. Justeru, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya merasmikan Majlis Pelancaran Sistem J10 ini.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.